

NO. SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 22 MAC 2018

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan akan terus mengenakan apa-apa bayaran bagi permohonan Visa Umrah seperti Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) di masa depan.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak mengenakan sebarang caj bagi fi permohonan Visa Umrah. Visa ini dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi ke atas mana-mana individu yan ingin berkunjung ke Arab Saudi termasuklah bagi tujuan mengerjakan ibadah haji dan umrah mahupun pelancongan.

Sekian, terima kasih.

135

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUNG
[JELUTONG]**

TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 58

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai usaha mencari pesawat MH370 yang dikendalikan oleh Ocean Infinity dengan tempoh kontrak 90 hari sekarang. Apakah kisah sebenar mengenai laporan akhbar The Guardian bahawa Seabed Constructor di bawah kawalseliaan Ocean Infinity telah mengalami 'data blackout' selama tiga hari antara 1-4 Februari, 2018 dalam kawasan pencarian yang khusus ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi pencarian dasar laut oleh syarikat Ocean Infinity Limited bagi mengesan kedudukan bangkai (*wreckage*) pesawat MH370 di lokasi seluas melebihi 25,000 kilometer persegi dalam kawasan pencarian utama di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip "*no cure no fee*" dalam tempoh 90 hari telah dimulakan pada 22 Januari 2018. Sehingga 19 Mac 2018, operasi pencarian telah meliputi kawasan seluas 33,135 kilometer persegi daripada keseluruhan kawasan pencarian yang telah dikenal pasti. Buat masa ini tiada sebarang bangkai pesawat ditemui di kawasan pencarian.

Berhubung laporan akhbar The Guardian bahawa Seabed Constructor di bawah kawalseliaan Ocean Infinity telah mengalami 'data blackout' selama tiga hari antara 1-4 Februari, 2018 dalam kawasan pencarian yang khusus ditetapkan adalah disebabkan masalah teknikal.